



**MAHATHIR,**  
*kami bersamamu*



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# MAHATHIR, *kami bersamamu*

LIM SWEE TIN

PENERIMA S.E.A. WRITE AWARD



PETTERBIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sintok • 2019

PUSTAKA PERDANA



1011637

UUM Press  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Malaysia.

Tel: 04-9284797  
Faks: 04-9284792  
E-mel: penerbit@uum.edu.my  
Laman web: <http://uumpress.uum.edu.my>

© 2019 UUM Press

Cetakan Pertama 2019

UUM Press Kreatif ialah *imprint* yang digunakan untuk menerbitkan karya kreatif di bawah UUM Press.

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada UUM Press.

Perpustakaan Negara Malaysia


Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lim, Swee Tin, Dr., 1952-  
MAHATHIR, Kami Bersamamu / Lim Swee Tin.  
ISBN 978-967-2210-24-5  
1. Mahathir Mohamad, Tun, 1925-  
2. Malay poetry. 3. Prime minister--Malaysia.  
4. Statesman--Malaysia.  
5. Government publications--Malaysia.  
I. Judul.  
899.231

Ilustrasi disediakan oleh  
Zuraizee bin Zulkifli

Dicetak di Malaysia oleh  
UUM Press







## KANDUNGAN

### PRAKATA

*Mahathir Seorang Negarawan XI*

---

Di Anjung Negarawan 2  
Lelaki yang Berdiri 10  
Kepada Teknokrat Berani 11  
Tatkala Membaca Getar Suara 12  
Mahathir, Kami Bersamamu 13

---

Memerdekakan Kemerdekaan 17  
Di Bawah Langit Lazuardi 18  
Warga Malaysia 20  
Menjengah Erti Kemerdekaan 25

---

Salam dari Menara: Sebuah Nama 25  
Meluncur di Aspal Waktu 30  
Amanat Negarawan Terbilang 32  
Menerajui Dimensi 35  
Dirgahayu Datuk Seri 37  
Ke Pelabuhan Wawasan 40

---

Akankah Mereka ke Sana 45  
Dengan Apakah Lagi 46  
Mendulang Mimpi 47  
Citra Kita 48

---

Saat Kerinduan Itu Mencengkam 51  
Kota Baca 53  
Di Panggung Teater Malam Itu 55

---

Tahun-tahun yang Hilang 59  
Sebuah Landskap Abadi 60  
Di Ladang Integriti 62  
Biarlah Berakhir 64

Telah Terlalu Jauh 67  
Di Hadapan Retorika 68  
Pencinta Teguh Perindu Kasih 69  
Cakerawala Makna – *perpaduan kita* 70  
Sahabatku, Marilah Kita Berharap 71

---

Kebangkitan 77  
Sekali Lagi 78  
Bersama Mewarnai Mimpi 79  
Membersih Lantai 80  
Pulang ke Susuran Budi 81  
Belajar Mentafsir 82  
Bilakah Bila 83  
Merenda Susur 84  
Kembali Menyatakan Diri 85

---

*Biodata* 87

X

---

## PRAKATA

# MAHATHIR SEORANG NEGARAWAN

1

Banyak pencapaian, suaranya didengar di serata dunia dan kebijaksanaannya sehingga Malaysia diletakkan di satu tempat yang tinggi menjadikan kita sangat berbangga. Kesungguhan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini YAB Tun Dr. Mahathir) membina dan membangunkan Malaysia amat dikagumi. Rakyat menikmati kemakmuran ini. Bagaimana YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (seterusnya Mahathir) merekayasa jiwa bangsa dan menata ketamadunan negara adalah cerita lain lagi.

Diam-diam saya menterjemahkan semua ini melalui sajak. Sajak yang dicipta menjadi rakaman indah bagi saya kerana banyak pelaksanaan Mahathir yang tidak cukup diterangkan hanya dengan penulisan rencana mahu pun buku. Demikian, lebih kurang dua dekad yang lepas saya mula menggarap rangkap-rangkap sajak tentang negarawan ulung ini.

2

Buku **Mahathir, Kami Bersamamu** menghimpunkan sajak-sajak yang digarap dalam tempuh hampir dua dekad atau 20 tahun lamanya (1998-2018). Seingat saya, sajak 'Lelaki yang Berdiri' dan 'Kepada Teknokrat Berani' merupakan saja-sajak yang terawal saya cipta. Isinya - apresiasi dan kekaguman saya terhadap seorang pemimpin negara yang ulung ini, Mahathir.

Seterusnya, saya kekal mengikuti dengan rapat setiap gembengan ikhtiar Mahathir dalam membangunkan Malaysia dan merangka pemerintahannya. Malaysia terus makmur. Beliau mengilhamkan banyak kejayaan. Selain pencapaian hebat di peringkat kebangsaan, yakni di dalam negara Malaysia sendiri, Mahathir juga dikagumi di seluruh dunia: kegemilangan Malaysia,

suara keberaniannya dalam menyinggung beberapa keputusan terpenting di arena antarabangsa, seumpama ketidakadilan dan penindasan.

3

Dengan sejumlah 40 buah sajak, buku '**Mahathir, Kami Bersamamu**' ini tentunya mustahil untuk menyeluruhi sumbangan dan jasa beliau yang sangat besar. Di bawah kepemimpinan Mahathir selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, pencapaian ekonomi, perubahan sosial, pertumbuhan prasarana, kemajuan dalam bidang teknologi tinggi, perpaduan bangsa, dan keampuhan semangat nasionalisme serta patriotisme dalam kalangan rakyat tidak dapat disangkalkan lagi.

Perjuangan ini tidak diraih hasilnya dengan mudah, dalam sekelip mata. Sudah tentu sangat banyak onak dan ranjau yang Mahathir harungi. Sajak 'Akankah Mereka ke Sana' merupakan salah satu pertanyaan saya. Di sini, saya melihat kecekalan dan kegigihannya yang amat luar biasa dalam menyatupadukan segenap lapisan rakyat. Era dan zaman pemerintahan Mahathir sangat menguji, demikian iklim perubahan yang berlaku di seluruh dunia menuntut beliau pantas menyesuaikan dengan situasi dalam negara.

4

Saya seorang rakyat biasa ingin merakam seluruh pencapaian dan kejayaan ini. Sajak-sajak di dalam buku ini seluruhnya tertumpu kepada Mahathir; seawal beliau mengambil alih negara daripada Allahyarham Tun Hussein Onn. Namun, saya tidak segera menyebutkan melalui karya kreatif. Walaupun banyak penulisan yang dihasilkan tentang Mahathir dalam pelbagai genre, saya lebih mengambil langkah berhati-hati.

Bukan diburu sebarang kebimbangan, akan tetapi, tentulah sukar menterjemahkan rasa dan fikirannya

setiap kali ingin menyebut tentang Mahathir. Begitu sulitnya, sehinggalah saya memberanikan diri ketika awalnya mengisahkan pandangan peribadi terhadap beliau. Sajak perlu berimpak. Jasa beliau terlalu besar, jangan pula sajak saya menipiskan pencapaian cemerlangnya itu.

5

Buku ini disusun dalam tujuh bahagian. Setiap bahagian mengisikan karya yang saya sifatkan menyangkut perkara-perkara yang sudah saya fikirkan sebagai saling berkaitan. Ada tiga kelompok penulisan saya. Pertama, khusus tentang Mahathir dalam pimpinan kerajaannya; pemerintahan, pentadbiran, pencapaian dan semua yang dilakukan. Kedua, sajak-sajak yang merupakan reaksi saya akan apa-apa sahaja cetusan idea, pandangan, semangat dan gagasan yang Mahathir rangkakan. Tentang kemerdekaan bangsa, misalnya. Tentang perpaduan rakyat, contohnya. Sajak-sajak ini merupakan kesan sorotan saya.

XIII

---

Ketiga, sajak yang terhasil atau terilham daripada sikap dan pendirian Mahathir, idealisme dan nilai baik yang sering kali beliau tunjuk serta lakukan. Sajak berjudul 'Kota Baca' ialah tentang kebaikan membaca. Mahathir bukan sahaja diketahui sebagai Perdana Menteri - seorang negarawan ulung yang sangat gemar membaca, akan tetapi juga pada masa yang sama mengarang buku. Itu belum termasuk pelbagai penulisannya yang kebanyakannya meninggalkan impak yang besar kepada masyarakat dan negara.

6

Ada setengah-setengah karya saya yang kelihatannya berkata-kata secara langsung kepada Mahathir, ini dapat diketahui dengan mudah apabila saya menggunakan singkatan kata ganti nama 'mu'. Sajak ini sebenarnya monolog. Umumnya, ia berupa pandangan, pernyataan

dan rumusan sikap saya pula terhadap segala yang berlaku di dalam negara, di tengah-tengah masyarakat dan menyentuh pelbagai perkara. Namun, ada 'mu' yang bukan dirujuk kepada beliau. Ada 'mu' untuk pihak-pihak tertentu yang saya rujuk dalam karya!

7

Sebahagian kecil sajak, yakni dalam bahagian ketujuh adalah luahan saya setelah PRU ke-14, yang berlangsung pada 9 Mei 2018 yang lalu, yang banyak mengubah landskap politik negara. Kali ini, Mahathir kembali ke tampuk kuasa sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-7, sebagai Perdana Menteri bagi kali ke-2. Sebagaimana era terdahulu, saya menyambutnya dengan penuh rasa teruja. Saya bahkan mengharapkan pencapaian yang lebih gemilang lagi bagi negara kita, Malaysia.

XIV

Sajak adalah karya yang merakam peristiwa. Tentulah juga tatkala merakam itu ada diterapkan perasaan penulisnya. Namun, dalam banyak hal, saya mengurangkan hal ini untuk membiarkan pembaca merasainya sendiri. Karya sastera mementingkan kesan. Melalui penghayatan, saya juga mahu kesan itu sampai kepada pembaca.

Saya seboleh-boleh yang mungkin memilih pendekatan memberi peluang pembaca menikmati satu pemahaman yang mendalam. Jika atas faktor ini dapat mengurangkan ketinggian nilai seni berkreatif, maka saya percaya keupayaan menambat hati pembaca melalui keinginan mencerna idea dan hasrat saya melalui sajak-sajak yang diciptakan ini lebih penting dan bermakna. Melalui buku ini saya jadikan karya lebih komunikatif, sambil tidak mengabaikan estetik sastera.

Selamat membaca, dan salam hormat.


**Lim Swee Tin**

*kepadamu teknokrat kami berhutang  
mahal sungguh untuk membayarnya*





## DI ANJUNG NEGARAWAN



Laung 'Merdeka' Tunku  
barangkali tidak semudah  
tatkala bertahun berulang kali  
kita mendengarnya  
seorang Tunku yang telah melewati  
segenap derita bangsa

mengenal setiap lorong  
dan perih payah rakyat tercinta  
kita, katanya tak mungkin lagi  
akan berpaling melainkan  
melihat ke hadapan sejalur pelangi tercantik  
pada langit indah tanah air

kemerdekaan bukan sebuah  
laungan hanya  
kemerdekaan itu pengisian,  
upaya dan daya juga  
negarawan terbilang mengisinya  
dengan yakin dan keberanian  
negarawan membenihkan putih kerelaan  
serta jerih pengorbanan  
'Bapa Kemerdekaan' ini  
mengingat kita  
gema sorak sorai itu  
dan kemudiannya meletakkan bangsa  
pada lembaran baru di tanah persada

4

penjajah di mana pun tak pernah  
meninggalkan sempurna tanah jajahannya  
demikian di sana sini Tun Abdul Razak  
menampung sekian banyak carik  
di baju kehidupan anak-anak  
bangsa merealitikan segala lakar  
fikir dan mimpi.

kemerdekaan tidak bermakna  
andai nestapa rakyat  
hanya didodoikan buai hasrat  
'Bapa Pembangunan' ini mengerah  
segenap kudrat  
menumpahkan alir keringat  
demi bangsanya terlepas  
dari belunggu tercengkam,  
digerakkan segala pelaksanaan



kecintaannya yang tumbuh  
merendang subur meskipun  
Tun tidak berlama bersama  
kasih kita kepadanya dalam tertanam  
sayap semangatnya  
tertebar ke sukma rakyat  
sejahtera merata perlahan-lahan kita  
mula memahami  
erti sebuah kemerdekaan



negarawan membenihkan perjuangan  
menjawab segala  
yang bernama kebangkitan  
Tun Hussein meletakkan pula tanah air  
pada era gemilang  
penuh kecemerlangan  
'Tradisi Membela Rakyat' bergema  
meresap setiap ruang  
hati dan minda bangsa  
saat ini tiada sesiapa lagi yang berani  
menepis menyinis  
meski tuntutan keras membarisi  
bersama di setiap hati terpintal rapi  
satu ikatan harmoni  
dari sejarah perih dan peri  
sang negarawan ini persis rupanya

harus mengharung  
detik-detik penuh gulana  
ketika arus zaman telah banyak  
mengubah landskap  
serta paradigma jagat  
asakannya hebat. Namun diperkukuh  
segala gagah dan  
dimaknakan keperkasaan  
sambil kita menggelarnya 'Bapa Perpaduan'  
Tun Hussein  
menyusun barisan padu  
rakyat pun bersatu dalam teguh ingin  
dan iltizam  
di batas kental waja kekuatan  
Malaysia telah diwariskannya  
kepada jelata: moden -  
gagah - perkasa!

ketika dunia sedang dipaliti  
percaturan meruncing  
dan jati diri padanya  
menjadi teguh benteng  
Mahathir telah pun siaga waspada di hadapan  
segala kemungkinan yang menantinya  
kemerdekaan ditokok lagi dengan diisi  
segala bangun dan ceracak prasarana  
kemerdekaan katanya, adalah kasih  
yang tidak berbelah  
terhadap negara  
kemerdekaan adalah kesetiaan  
dalam menyatakan  
segala hakikat kebenaran  
kemerdekaan adalah kegigihan  
meneroka kesempatan  
pembebasan dari ragu dan sangsi  
kemerdekaan adalah pulang kembali  
ke rumah diri  
adalah pergi yang berani!



2014/12

Mahathir perintis kekentalan peribadi  
setiap warga tampil  
perkasa siap dan bersedia  
negarawan ini tidak hanya melontar kata  
tetapi berdiri sambil membuktikannya  
dia tidak menanti  
kerana baginya  
menanti tidak akan ke mana  
bahkan ditinggalkan  
digulungnya hujah dengan perkiraan payah  
dirumusny yakin dengan perhitungan lain  
suara negara didengar jauh rentasi benua  
fikirnya dipinta dianalisis  
menjadi keramat kata  
'Pencetus Wawasan', 'Teknokrat Zaman',  
dan 'Bapa Malaysia Moden' ini  
menjadikan kita kenal diri  
dalam mengukir maruah  
dan menggilap gemilang sejarah.

## LELAKI YANG BERDIRI

- kepada YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

Dialah lelaki yang berdiri  
memberikan akal kepada bangsa  
membersih tubuh peribadi berlumut  
membentang jalan lama terentang reba  
suluh renungnya mengisi gugus rencana

lelaki berhemah tak gentar cubaan  
padanya kemakmuran jadi tunjangan  
waspada bangsa akan ancaman mendatang  
diteguhkan jiwa rakyat tercinta  
menepis menyinis segala kritik dan nista

disusurnya pelosok didalamkan jenguk  
prihatinnya melampaui batas keturunan  
bersih kasih menyejuk sukma penduduk  
dialah bapa sanjungan zaman  
ikhtiar lelaknya menyinarkan kemuliaan

10

dialah negarawan pencipta tamadun  
meletak tinggi martabat dan kehormatan  
ketika zaman menuntut keberanian kental:  
di akalmu kami pancangkan nasib  
di bahumu kami sandarkan harapan.

## KEPADA TEKNOKRAT BERANI

- kepada YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

Dia pernah berdiri di hadapan tohmahan liar  
lalu dikerahnya yakin membenteng azam  
perah akal lebih memedihkan daripada kritikan tolol  
dia akhirnya memilih jalan bijaksana  
menyerahkan kepada angin nista dan umpat

zaman menuntut sesuatu yang lebih besar  
daripada hanya sejalaran kata menyinis  
petah hujah dan mainan logik yang rapuh  
kepada generasi dilakarnya garis pemisah  
memadam gerhana,  
dan maruah tinggi menjulang

teknokrat ini menjawab keji dengan bukti  
tak mendabik namun didiamkannya lantang serangan  
tiada kemenangan bagi sesiapa pun melainkan kita  
jinakkan teknologi nanar, asing dan sementara  
atas nama cinta, tanah air dan bangsa

terlalukah kalau kawan meletakkannya tokoh terbilang  
tatkala lawan malu-malu menghulur ucap sanjungan  
kerikil uji karang cabar dilewatinya sempurna  
menyusur alur zaman meroboh igau purbakala  
kepadamu teknokrat kami berhutang  
mahal sungguh untuk membayarnya.



*Lim Swee Tin* merupakan sasterawan yang terlibat dalam kesusasteraan Melayu di Malaysia sejak tahun 70-an lagi. Beliau merupakan seorang penyajak yang prolifik dengan menghasilkan lebih daripada 85 buah buku persendirian pelbagai genre setakat ini, selain lebih 160 judul lagi dalam bentuk antologi. Telah memenangi banyak hadiah kesusasteraan, seorang deklamator yang tidak asing lagi di tanah air, pada tahun 2000 yang lalu dianugerahi South East Asia Write Award atau lebih dikenali S. E. A. Write Award di Bangkok, Thailand.

## MAHATHIR, *kami bersamamu*

lelaki berhemah tak gentar cubaan  
padanya kemakmuran jadi tunjangan  
waspada bangsa akan ancaman mendatang  
diteguhkan jiwa rakyat tercinta  
menepis menyinis segala kritik dan nista.

disusurnya pelosok didalamkan jenguk  
prihatinnya melampaui batas keturunan  
bersih kasih menyejuk sukma penduduk  
dialah bapa sanjungan zaman  
ikhtiar lelaknya menyinarkan kemuljaan.

dialah negarawan pencipta tamadun  
meletak tinggi martabat dan kehormatan  
ketika zaman menuntut keberanian kental:  
di akalmu kami pancangkan nasib  
di bahumu kami sandarkan harapan.

UUM Press  
**Kreatif**

ISBN 978-967-2210-24-5

